CHONG PENG CHONG

lwn.

CHIN LEAN FATT & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
VT SINGHAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-97-2003]
27 OKTOBER 2003

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Kandungan - Prosiding interlokutori - Pernyataan maklumat atau kepercayaan - Sumber-sumber dan alasan - Penepian - Budi bicara mahkamah - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 41 k. 5*

Plaintif telah memfailkan satu guaman sivil terhadap tiga orang pengarah dan pemegang syer di empat buah syarikat untuk pelaksanaan spesifik perjanjian jual beli bertarikh 10 April 2003 bagi semua saham dalam keempat-empat syarikat untuk faedah plaintif dan lain-lain relief seperti dalam writ saman.

Melalui satu saman dalam kamar bertarikh 5 Mei 2003, *ex parte*, plaintif juga memohon satu perintah injunksi terhadap keempat-empat defendan seperti dipohon dalam saman dalam kamar. Pada 10 Mei 2003 satu perintah *ex parte* telah diberikan kepada plaintif terhadap keempat-empat defendan untuk injunksi tersebut dan terma-terma adalah seperti perintah tersebut. Selepas memberi perintah injunksi *ex parte* tersebut, satu tarikh pendengaran saman dalam kamar secara *inter parte* telahpun ditetapkan.

Setelah peguam plaintif selesai berhujah untuk permohonan *inter parte* pada 17 Jun 2003 beliau membangkitkan bantahan bahawa afidavit defendan ketiga Lampiran 13 yang telah difailkan pada 26 Mei 2003 dan diserahkan kepada peguam plaintif tidak boleh diguna pakai dan tidak sah kerana tidak menyatakan sumber-sumber dan alasan-alasan maklumat atau kepercayaan seperti dikehendaki dibawah A. 41 k. 5(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Peguam plaintif berhujah bahawa afidavit tersebut tidak harus diambil kira untuk permohonan *inter parte* dan diketepikan.

Sebaliknya, peguam defendan ketiga berhujah bahawa bantahan tersebut adalah lewat kerana peguam plaintif telah guna pakai dan rujuk kepada Lampiran 13 dalam penghujahan beliau dan juga telah menjawab kepada afidavit tersebut tanpa sebarang syarat atau bantahan. Peguam defendan ketiga menyatakan bahawa bantahan peguam plaintif harus ditolak. Bagaimanapun peguam defendan ketiga berhujah bahawa sekiranya mahkamah mendapati bahawa

afidavit tersebut adalah tidak sah dan tidak teratur maka beliau memohon kebenaran mahkamah untuk menerima pakai afidavit tersebut seperti yang dibenarkan dibawah A. 41 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Isu yang dibangkitkan dalam bantahan ini adalah sama ada afidavit yang diikrar oleh seorang deponen boleh diterima pakai sebagai keterangan untuk prosiding interlokutori dimana afidavit tersebut tidak menyatakan sumber-sumber dan alasan-alasan maklumat atau kepercayaan penyataaan yang terkandung dalam afidavit tersebut seperti yang dikehendaki dibawah A. 41 k. 5(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Diputuskan:

[1] Dibawah A. 41 k. 5(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 satu affidavit hanya boleh mengandungi fakta-fakta atau pernyataan yang ada dalam pengetahuan peribadi deponen sendiri kecuali dibawah k. 5(2) dimana afidavit yang telah diikrar adalah untuk diguna pakai dalam prosiding interlokutori dimana afidavit tersebut boleh mengandungi pernyataaan diatas maklumat atau kepercayaan beserta dengan sumber-sumber dan alasan-alasannya. (ms 34 a-b)

[2] Afidavit yang mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan yang diikrar oleh seorang deponen untuk digunakan dalam prosiding interlokutori menyatakan bukan sahaja kepercayaan beserta dengan sumber-sumbar dan alasan-alasannya untuk pernyataan maklumat tersebut tetapi juga kenyataan oleh deponen harus disokong oleh seorang lain yang dapat menyatakan dalam pengetahuan sendiri atau disokong oleh dokumen yang relevan. (ms 37 g)

[3] Bantahan yang dibangkitkan oleh peguam plaintif adalah tentang asas keterangan atau penyataaan yang terkandung dalam afidavit dimana adalah perkara yang penting supaya mahkamah dapat tentukan sama ada pernyataan atau keterangan dalam afidavit adalah hearsay (dengar cakap) dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak. (ms 38 c-d)

[4] Sekiranya ada bantahan tentang guna pakai afidavit yang tidak mengandungi sumber-sumber dan alasan-alasan pernyataan maklumat atau kepercayaan oleh deponen, mahkamah tidak seharusnya ambil kira kandungan dalam affidavit tersebut. Bagaimanapun dan sebaliknya, didapati dalam kes ini, jenis bantahan yang dibangkitkan oleh peguam plaintif tentang afidavit defendan ketiga boleh dikatakan salah aturan (irregularity) dan bukan membatalkan afidavit tersebut. (ms 39 e-f)

[5] Pihak-pihak atau peguam harus mengambil berat apabila menyediakan afidavit untuk memastikan bahawa pernyataan maklumat yang terkandung adalah berdasarkan kepada pengetahuan deponen sendiri kecuali afidavit itu adalah untuk guna pakai dalam prosiding interlokutori dimana pernyataan tentang maklumat atau kepercayaan harus menyatakan sumber-sumber dan alasan-alasannya. (ms 39 h)

[6] Pihak-pihak yang tidak mahu dan tidak mematuhi kaedah-kaedah mahkamah dan undang-undang berkaitan dengan keterangan tidak boleh mengharap mahkamah untuk melayani atau menurut kemahuan kecuali mungkir kaedah-kaedah mahkamah adalah tidak sengaja. (ms 40 a)

[7] Penghujahan peguam defendan ketiga bahawa tindakan plaintif boleh dikatakan satu penepian boleh diterima dimana bantahan tersebut harus dibangkitkan terlebih dahulu atau sebagai bantahan permulaan dimana peguam plaintif sendiri bukan sahaja telah ambil bahagian menggunakan afidavit tersebut dan dirujuk dalam penghujahan prosiding ini tetapi telah menjawap kepada affidavit tersebut melalui dua afidavit-afidavit plaintif tanpa sebarang syarat atau bantahan. Oleh itu, peguam plaintif tidak dibenarkan berundur daripada tindakan peguam plaintif yang sendiri mengguna pakai dan sedia rujuk kepada afidavit defendan ketiga tersebut. Dalam keadaan itu, plaintif tidak boleh approbat dan reprobat. (ms 40 f-g)

[8] Adalah tidak adil untuk afidavit defendan ketiga tersebut tidak diterima pakai diperingkat ini kerana ia akan membawa ketidakadilan kepada defendan ketiga. Seterusnya, dan sekiranya tidak timbul sebarang ketidak adilan atau prasangka kepada plaintif, mahkamah boleh menimbang permohonan peguam defendan ketiga untuk menerima pakai afidavit tersebut dalam prosiding interlokutori ini. (ms 42 b & e)

[9] Afidavit defendan ketiga tersebut yang dipakai bukanlah untuk satu prosiding atau perintah muktamat tetapi adalah dalam prosiding interlokutori dan satu perintah interim sehingga perbicaraan guaman sivil yang difailkan oleh plaintif diselesaikan. (ms 43 c)

[10] Diatas alasan-alasan yang telah dinyatakan terlebih dahulu mahkamah ini menggunakan budi bicara untuk kekalkan afidavit Lampiran 13 dan untuk diguna pakai oleh defendan kedua dan ketiga dalam prosiding interlokutori ini. Diatas budi bicara mahkamah, affidavit pembetulan yang difailkan oleh defendan ketiga Lampiran 36 juga diterima dan kebenaran diberi kepada defendan ketiga untuk guna pakai afidavit pembetulan tersebut dan dibaca bersama dengan afidavit Lampiran 13 bagi prosiding interlokutori. (ms 46 b & f)

[11] Aturan 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tidak dapat diguna pakai supaya afidavit pembetulan Lampiran 36 dapat diterima pakai kerana terdapat kaedah lain dan tertentu dalam kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mendapat kebenaran mahkamah untuk terima pakai afidavit yang tidak teratur. (ms 49 a-b)

[12] Afidavit pembetulan Lampiran 36 yang difailkan oleh peguam defendan ketiga tanpa kebenaran mahkamah terlebih dahulu ataupun mendapat persetujuan daripada peguam plaintif selepas mahkamah tangguh keputusan diatas bantahan tersebut dibenarkan untuk diguna pakai diatas keseluruhan fakta-fakta dan keadaan kes ini. Afidavit pembetulan Lampiran 36 diperintah dikekalkan dan dibaca bersama dengan afidavit Lampiran 13. Kos bagi bantahan tersebut adalah kos dalam kausa. (ms 49 g)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Halim Abd Hanan & Ors v. Pengarah Penjara Taiping & Ors [1996] 4 MLJ 54 ***(dirujuk)***

Abdul Salam v. Lee Ah Song & Anor [1951] MLJ 149 ***(dirujuk)***

Anthony Birell Pearce Doig & Co v. Anthony Birell Pearce & Co [1899] 2 Ch 50 ***(dirujuk)***

Arab Malaysian Credit Bhd v. Tan Seang Meng [1995] 1 CLJ 773 CA ***(dirujuk)***

Bank Bumiputra Malaysia Bhd & Ors v. Loraine Esme Osman [1986] 1 MLJ 426 ***(dirujuk)***

Bidder v. Bridges [1884] 26 Ch D1 ***(dirujuk)***

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v. Arab Malaysian Merchant Bank Bhd [1995] 4 CLJ 283 FC ***(dirujuk)***

Cartier International BV v. Lee Hock Lee & Anor – Application [1993] 1 SLR 616 ***(dirujuk)***

Cheah Cheng Hoc v. PP [1986] 1 CLJ 169; [1986] CLJ (Rep) 84 SC ***(dirujuk)***

Conmal Sdn Bhd & Anor v. Romar Realty (M) Sdn Bhd & Ors [1987] 2 CLJ 434; [1987] CLJ (Rep) 558 HC ***(dirujuk)***

Crooper v. Smith [1884] 26 Ch D 700 ***(dirujuk)***

Darnley (Earl of) v. Properties of London, Chatham and Dover Rly [1867] LR 2 HL 43 ***(dirujuk)***

Deutsche Ruckversicherung v. Walbroook Insurance Co Ltd & Ors QBD [1995] 1 WLR 1017 ***(dirujuk)***

Development & Commercial Bank Bhd v. Aspatra Corp Sdn Bhd & Anor And Another Appeal [1996] 1 CLJ 141 FC ***(dirujuk)***

Gilbert v. Endean [1878] 9 Ch 259 ***(dirujuk)***

Government of State of Pahang v. Tengku Abdul Aziz & Anor [1978] 2 MLJ 34 ***(dirujuk)***

Gurbachan Singh v. Seagrott & Campbell [1962] MLJ 370 ***(dirujuk)***

Hari Singh v. Sundarammal [1965] 2 MLJ 174 ***(dirujuk)***
Ho Yok Kwei & Anor v. Ong Eng Hin [1998] 1 CLJ 647 HC ***(dirujuk)***
Hongkong Bank Malaysia v. Nor Harizam Mohd Ali [1999] 6 CLJ 466 ***(dirujuk)***
In re Anthony Birell Pearce & Co Doig v. Anthony Birrell Pearce & Co [1899] 2 Ch 50 ***(dirujuk)***
Jasabena Sdn Bhd v. Beh Heng Foo & Anor [1985] 1 MLJ 394 ***(dirujuk)***
JL Yoong Manufacturing Co [1900] 2 Ch 753 ***(dirujuk)***
Kasim Sulong & Anor v. Guthrie Estate Holdings Ltd & Anor [1994] 3 CLJ 186 HC ***(dirujuk)***
Kein v. Stein [1892] 66 LT 469 ***(dirujuk)***
Kenidi Sima & Anor v. The Government of the State of Sabah & Anor [1988] 1 MLJ 454 ***(dirujuk)***
Kuah Kok Kim v. Chong Lee Leong Seng Co Pte Ltd [1991] 2 CLJ 1634; [1991] 4 CLJ (Rep) 535 HC ***(dirujuk)***
Kumagai Co Ltd v. Zenecon Kumagai Sdn Bhd & Ors (And Another Applications) [1994] 2 MLJ 789 ***(dirujuk)***
Les Fils Dreyfus Et Cie Societe Anonyme v. Clarke [1958] 1 All ER 459 ***(dirujuk)***
Lim Yew Sing v. Hummel International Sports & Leisure A/S [1996] 4 CLJ 784 CA ***(dirujuk)***
Lori (M) Bhd (interim receiver) v. Arab Malaysian Finance Bhd [1999] 3 MLJ 81 ***(dirujuk)***
Low Wng Leong & Ors v. Low Mu Sen & Sons Sdn Bhd & Ors [2003] 1 AMR 206 ***(dirujuk)***
Lumley v. Osborne [1901] 1 QB 532 ***(dirujuk)***
Majlis Amanah Rakyat (MARA) v. Tam Seek Hong & Ors [1994] 3 CLJ 64 HC ***(dirujuk)***
Meek v. Fleming [1961] 3 All ER 148 ***(dirujuk)***
Mohamed Ismail v. Tan Sri Hj Osman Saat & Ors [1982] MLJ 133 ***(dirujuk)***
Mui Bank Bhd v. Alkner Investments Pte Ltd [1990] 3 MLJ 385 ***(dirujuk)***
Muniandy Thamba Kaundan v. D & C Bank Bhd [1996] 2 CLJ 586 FC ***(dirujuk)***
Nationwide Building Society v. Bateman [1978] 1 All ER 999 ***(dirujuk)***
Pearson v. Wilcon 10 Hare App XXXV ***(dirujuk)***
Permodalan MBf Sdn Bhd v. Tan Sri Dato' Seri Hamzah Abu Samah & Ors [1988] 1 CLJ 31; [1988] 1 CLJ (Rep) 244 SC ***(dirujuk)***
Public Bank Bhd v. Berjaya Development Sdn Bhd & Ors [1995] 1 CLJ 237 HC ***(dirujuk)***
R Rama Chandran v. Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 FC ***(dirujuk)***
Ratnam v. Kumarasamy [1965] 1 MLJ 228 ***(dirujuk)***
Re Orr – Ewing [1883] 22 Ch D 456 ***(dirujuk)***
Rossage v. Rossage & Ors [1960] 1 All ER 600 ***(dirujuk)***
Sabah Bank Bhd v. Pemborong Keningau Sdn Bhd & Ors [1991] 3 CLJ 677 HC ***(dirujuk)***
Sandilands Buttery & Co Ltd v. Marcus Knorpel 3 MC 244 ***(dirujuk)***

Sarjudin Bahri v. Punca Klasik Sdn Bhd & Anor [1997] 2 CLJ Supp 481 HC ***(dirujuk)***
Savings and Investment Bank Ltd v. Gasco Investments (Nevertherlands) BV & Ors Ch D [1984] 1 WLR 271 ***(dirujuk)***
Sim Seah Beng & Anor v. Koperasi Tunas Muda Sungei Ara Bhd [1995] 1 CLJ 491 CA ***(dirujuk)***
Siong Eng Co v. Malayan Insurance Co Inc [1964] 30 MLJ 65 ***(dirujuk)***
SKT Kulanthayan Chettiar v. Koh Laik Phuang [1951] 17 MLJ 149 ***(dirujuk)***
Subramaniam Vythilingam v. The Human Rights Commission of Malaysia (Suhakam) & Ors [2003] 6 CLJ 175 HC ***(dirujuk)***
Sunkyong International Inc v. Malaysian Rubber Development Corp Bhd [1992] 3 CLJ 1531; [1992] 1 CLJ (Rep) 310 SC ***(dirujuk)***
Tan Chwee Geok & Anor v. Khaw Yen-Yen & Anor [1975] 2 MLJ 188 ***(dirujuk)***
Tombling v. Universal Bulb Co Ltd [1951] 2 TLR 289 ***(dirujuk)***
UMBC v. Ernest Cheong Yong Yin [2001] 2 CLJ 31 CA ***(dirujuk)***
Underdown v. Stannard [1871] WN 171 ***(dirujuk)***
Usman Ahmad v. Chin Brothers Construction Co [2000] 4 CLJ 785 HC ***(dirujuk)***
Vincent Tan See Yin v. Noone & Co And Anor [1995] 2 CLJ 195 SC ***(dirujuk)***
Wan Othman Dato' Wan Yusof v. Kewangan Utama (M) Bhd [1993] 2 CLJ 570 HC ***(dirujuk)***
Wee Choo Keong v. MBf Holdings Bhd [1995] 4 CLJ 427 SC ***(dirujuk)***
Yomeishu Seizo Co Ltd & Ors v. Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd [1996] 2 BLJ 142 HC ***(dirujuk)***
Yu Oi Yong & Anor v. Ho Toong Peng & Ors [1977] 1 MLJ 120 ***(dirujuk)***
Zamrud Properties Sdn Bhd v. Pang Moi Gaid [1999] 5 MLJ 180 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 29 r. 1, O. 41 rr. 4, 5(1), (2), O. 92 r. 4

Bagi pihak plaintif - Gurbachan Singh; T/n Bachan & Kartar
Bagi pihak defendan kedua & ketiga - Vijayasegaran; T/n Maxwell Kenion Cowdy & Jones

PENGHAKIMAN

VT Singham H:
Dalam kes ini plaintif telah memfailkan satu tindakan guaman sivil terhadap tiga orang pengarah dan pemegang syer di empat buah syarikat. Tuntutan plaintif adalah seperti berikut:

a. Untuk pelaksanaan spesifik perjanjian jual beli semua saham dalam empat syarikat-syarikat iaitu Maxwood Sdn Bhd, Maxwood Enterprise Sdn Bhd, Kilang Papan Kenering Jaya Sdn Bhd dan Mentora Setia Sdn Bhd. Perlaksanaan spesifik perjanjian jual beli bertarikh 10 April 2003 semua saham empat syarikat-syarikat berkenaan untuk faedah plaintif.

b. Satu deklarasi bahawa setelah plaintif membuat bayaran baki harga pembelian sebanyak RM950,000 pada 18 April 2003, defendan pertama dan nominee atau pemegang amanah defendan pertama memegang semua saham-saham didalam empat syarikat-syarikat tersebut untuk dan bagi pihak plaintif atau sebagai nominee atau sebagai pemegang amanah.

c. Satu perintah bahawa defendan pertama, nominee atau pemegang amanah defendan pertama dalam tiga hari dari tarikh perintah mahkamah ini menandatangani semua borang pindah milik atau dokumen-dokumen untuk membolehkan pendaftaran penukaran hak milik semua saham dalam empat syarikat-syarikat tersebut dan dalam kegagalan penolong kanan pendaftar mahkamah ini dibenarkan untuk menandatangani bagi pihak defendan semua borang-borang pindahmilik atau dokumen berkenaan untuk memindah semua empat syarikat-syarikat tersebut kepada plaintif atau nominee-nominee.

d. Suatu perintah bahawa satu siasatan odit dijalankan untuk menentukan apa-apa salah guna kemudahan atau pecah amanah harta alih atau tidak alih dilakukan oleh defendan-defendan atau apa-apa wang dikeluarkan untuk faedah diri sendiri, jia ada defendan-defendant diperintahkan untuk kembalikan semua harta kepada syarikat tesebut dan defendan-defendant diperintahkan tanggung kos dan siasatan tersebut.

e. Kerugian untuk pecah perjanjian bertarikh 10 April 2003 dari defendan pertama dengan kos.

Melalui saman dalam kamar bertarikh 5 Mei 2003 *(ex parte)* plaintif juga memohon suatu perintah injunksi seperti berikut:

i) Bahawa defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga atau ejen atau nominee-nominee mereka dilarang daripada menukar hakmilik, menjual mencagar atau dengan apa cara sekalipun mengurus dengan semua 100% atau apa jua bahagian pun dari saham-saham yang dipegang oleh defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga atau sesiapa lain pun dalam syarikat-syarikat Maxwood Sdn Bhd (Co. No. 54344-V), Maxwood Enterprise Sdn Bhd. (Co. No.144023-X), Kilang Papan Kenering Jaya Sdn Bhd (Co. No. 278868-X) dan Mentora Setia Sdn Bhd (Co. No 43675-X) (kemudiannya dirujuk sebagai syarikat-syarikat tersebut) kecuali kepada plaintif sehingga perintah lanjut oleh mahkamah yang mulia ini;

ii) Bahawa defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga dilarang dari mengeluarkan atau menggunakan apa-apa wang atau pendapatan syarikat-syarikat tersebut dari semua dan atau mana-mana akaun keempat-empat syarikat tersebut dimana-mana bank atau mengurus atau mengendalikan apa jua akaun atau kemudahan keempat-empat syarikat-syarikat tersebut atau membuka apa jua akaun atau mendapat apa-apa kemudahan baru dalam nama dan atau bagi pihak keempat-empat syarikat-syarikat tersebut sehingga perintah lanjut oleh mahkamah yang mulia ini;

iii) Bahawa defendan pertama, kedua dan ketiga dilarang dari memohon atau mengambil apa jua pinjaman atau kemudahan atau mengadakan apa-apa hutang atau bebanan untuk atau bagi pihak semua keempat-empat syarikat-syarikat tersebut sehingga perintah lanjut oleh mahkamah yang mulia ini;

iv) Bahawa plaintif dan ejen-ejen atau wakil-wakil plaintif dengan ini dibenarkan untuk mengambil alih dan menguruskan semua perniagaan keempat-empat syarikat-syarikat tersebut dan dibenarkan untuk menandatangani semua cek-cek bagi apa jua akaun-akaun dan transaksi-transaksi keempat-empat syarikat-syarikat tersebut dan untuk menggunakan semua kemudahan-kemudahan keempat-empat syarikat–syarikat tersebut hanya bagi perniagaan dan pengurusan keempat-empat syarikat-syarikat tersebut termasuk bayaran gaji, bayaran yang diperlukan oleh undang-undang (Statutory Payments) dan bayaran untuk pinjaman bank-bank, faedah pinjaman dan bayaran dalam pengurusan biasa perniagaan kempat-empat syarikat-syarikat tersebut sehingga perintah lanjut oleh mahkamah yang mulia ini;

v) Bahawa defendan pertama, kedua dan ketiga atau ejen, wakil atau nominee-nominee mereka dilarang dari memasuki, atau dengan apa cara pun menetap (remain) atau hadir di pejabat-pejabat atau premises keempat-empat syarikat-syarikat tersebut dan dengan apa cara pun menggangu, campur tangan, mengacau, mengusik atau mengambil bahagian atau memberi apa-apa arahan kepada pekerja-pekerja atau pembekal-pembekal atau berurusan dengan pembeli-pembeli atau pelanggan-pelanggan keempat-empat syarikat-syarikat tersebut sehingga perintah lanjut oleh mahkamah yang mulia ini;

vi) Bahawa plaintif memberi akujanji untuk membayar apa-apa kerugian jika ada yang dialami oleh defendan-defendan akibat perintah *ex parte* ini;

vii) Bahawa satu tarikh ditetapkan oleh mahkamah yang mulia ini secara *inter parte* dalam tempoh 21 hari dari tarikh perintah *ex parte*;

viii) Kos bagi permohonan ini ditanggung oleh defendan-defendan;

ix) Lain-lain perintah atau relif yang dianggap sesuai, adil dan saksama oleh mahkamah yang mulia ini.

Pada 10 Mei 2003 selepas membaca permohonan saman dalam kamar *ex parte*, afidavit sokongan bertarikh 5 Mei 2003 Lampiran 4, afidavit lanjutan plaintif bertarikh 7 Mei 2003, Lampiran 5, afidavit lanjutan bertarikh 8 Mei 2003 Lampiran 6, afidavit lanjutan bertarikh 10 Mei 2003 Lampiran 7 yang telah difailkan oleh plaintif disamping mendengar peguam plaintif, mahkamah telah membenarkan permohonan saman dalam kamar *ex parte* dimana terma-terma perintah adalah seperti berikut:

...

DI HADAPAN YANG ARIF DATO' V.T.SINGAM

HAKIM, MAHKAMAH TINGGI IPOH

PADA 10HB. MEI, 2003 DALAM KAMAR

PERINTAH (Ex-Parte)

ATAS PERMOHONAN pihak plaintif melalui Saman Dalam Kamar bertarikh 5 Mei 2003 (Lampiran 3) DAN SELEPAS MEMBACA Afidavit Sokongan berarikh 5.5.2003 (Lampiran 4), Afidavit Lanjutan bertarikh7.5.2003 (Lampiran5), Afidavit Lanjutan bertarikh 8.5.2003 (Lampiran 6) dan Afidavit Lanjutan bertarikh 10.5.2003 (Lampiran 7) yang telah dikrarkan oleh Chong Peng Chong dan difailkan di sini DAN SELEPAS MENDENGAR Encik Gurbachan Singh, Peguamcara bagi pihak Plaintif.

ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Defendan Pertama, Defendan Kedua dan Defendan Ketiga atau ejen atau nominee-nominee mereka dilarang daripada menukar hakmilik, menjual, mencagar atau dengan apa cara sekalipun mengurus dengan semua 100% atau apa jua bahagian pun dari saham-saham yang dipegang oleh Defendant Pertama, Defendan Kedua, Defendan Ketiga atau sesiapa lain pun dalam syarikat-syarikat Maxwood Sdn Bhd (Company No. 54344-V), Maxwood Enterprise Sdn Bhd (Companay No. 144023-X) Kilang Papan Kenering Jaya Sdn Bhd (Company No. 278868-X) dan Mentora Setia Sdn Bhd (Company No. 43675-X) kecuali kepada plaintif sehingga permohona *inter parte* Lampiran 3 diselesaikan dan dimuktamad.

ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Defendan Pertama, Defendan Kedua dan Defendan Ketiga dilarang dari mengeluarkan atau menggunakan apa-apa wang atau pendapatan Syarikat-syarikat tersebut dari semua dan atau mana-mana akaun keempat-empat syarikat tersebut dimana-mana bank atau mengurus atau mengendalikan apa jua akaun atau kemudahan keempat-empat syarikat-syarikat tersebut atau membuka apa jua akaun atau mendapat apa-apa kemudahan baru dalam nama dan atau bagi pihak keempat-empat Syarikat-syarikat tersebut sehingga permohonan *inter parte* lampiran 3 diselesaikan dan dimuktamad;

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa Defendan Pertama, Kedua dan Ketiga dilarang dari memohon atau mengambil apa jua pinjaman atau kemudahan atau mengadakan apa-apa hutang atau bebanan untuk atau bagi pihak semua keempat-empat Syarikat-syarikat tersebut sehingga permohonan *inter parte* lampiran 3 diselesaikan dan dimuktamad;

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa plaintif dan ejen-ejen atau wakil-wakil plaintif dengan ini dibenarkan untuk mengambil alih dan menguruskan semua perniagaan keempat-empat Syarikat-syarikat tersebut dan dibenarkan untuk menandatangani semua cek-cek bagi apa jua akaun-akaun dan transaksi-transaksi keempat-empat Syarikat-syarikat tersebut dan untuk menggunakan semua kemudahan-kemudahan keempat-empat syarikat tersebut hanya bagi perniagaan dan pengurusan keempat-empat syarikat tersebut termasuk bayaran gaji, bayaran yang diperlukan oleh undang-undang (Statutory Payments) dna bayaran untuk pinjaman bank-bank, faedah pinjaman dan bayaran dalam pengurusan biasa perniagaan kempat-empat Syarikat tersebut sehingga permohonan inter-parte lampiran 3 diselesaikan dan dimuktamad.

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa Defendan Pertama, Defendant Kedua dan Defendant Ketiga atau ejen, wakil atau nominee-nominee mereka dilarang dari memasuki, atau dengan apa cara pun menetap (remain) atau hadir di pejabat-pejabat atau premises keempat-empat syarikat tersebut dan dengan apa cara pun mengganggu, campur tangan, mengacau, mengusik atau mengambil bahagian atau memberi apa-apa arahan kepada pekerja-pekerja atau pembekal-pembekal atau berurusan dengan pembeli-pembeli atau pelanggan-pelanggan keempat-empat Syarikat tersebut sehingga permohonan inter-parte Lampiran 3 diselesaikan dan dimuktamad.

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa Mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan permohonan Lampiran 3 *inter parte* dalam 21 hari dan tarikh perbicaraan ialah 29.5.2003 jam 10.30 pagi.

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAH bahawa peguamcara plaintif menyerahkan Perintah ini kepada Defendan-Defendan dalam satu minggu dari tarikh perintah ini.

DAN ADALAH SELANJUTNYA DIPERINTAHKAN bahawa plaintif memberi akujanji untuk membayar apa-apa kerugian jika ada yang dialami oleh Defendant-defendan akibat perintah *ex parte* ini.

DAN ADALAH AKHIRNYA DIPERINTAHKAN bahawa prayer (h) Lampiran 3 didengar dan diputuskan diperingkat *inter parte* Lampiran 3 pada 29.5.2003.

Bertarikh pada 10hb. Mei, 2003.

[tt]
Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Ipoh

Selepas memberi perintah injunksi *ex parte* tersebut pada 10 Mei 2003 mahkamah juga menetapkan tarikh pendengaran saman dalam kamar tersebut secara *inter parte* pada 29 Mei 2003 sebelum tamatnya 21 hari dari tarikh perintah injunksi *ex parte* diberi beri seperti yang dikehendaki dibawah A. 29 k. 1(2BA) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Permohonan saman dalam kamar *inter parte* bermula dan dihujah oleh peguam plaintif. Dalam permohonan tersebut semua pihak memfailkan berjumlah 21 afidavit, plaintif memfailkan 9 afidavit, afidavit jawapan/balasan dan defendan-defendan memfailkan 12 afidavit dan afidavit jawapan/balasan.

Bantahan Tentang Afidavit (A. 41 k. 5(2) KMT 1980)

Setelah peguam plaintif selesai berhujah untuk permohonan *inter parte* pada 17 Jun 2003 beliau membangkitkan bantahan bahawa afidavit defendan ketiga Lampiran 13 yang telah difailkan pada 26 Mei 2003 dan diserahkan kepada peguam plaintif tidak boleh diguna pakai dan tidak sah kerana tidak menyatakan sumber dan alasan maklumat atau kepercayaan seperti yang dikehendaki dibawah A. 41 k. 5(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Oleh itu, peguam plaintif berhujah bahawa afidavit tersebut harus tidak diambil kira untuk permohonan *inter parte* tersebut dan diketepikan. Peguam plaintif merujuk kepada kes *Bank Bumiputra Malaysia Berhad & Other lwn. Loraine Esme Osman* [1986] 1 MLJ 426 dims 428 dimana YA Zakaria Yatim J (pada masa itu) memutuskan bahawa mahkamah tidak boleh memakai afidavit yang diikrar oleh setiausaha sulit defendan kerana tidak menyatakan atau mengecamkan sumber atau maklumat deponen seperti yang dikehendaki dibawah A. 41 k. 5(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Aturan 41 k. 5(1) dan (2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berkata

> 5. (1) Tertakluk kepada Aturan 14, kaedah 2(2) dan 4(2), kepada perenggan (2) kaedah ini dan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Aturan 38 kaedah 3, sesuatu afidavit hanya boleh mengandungi apa-apa fakta yang boleh dibuktikan oleh deponen daripada pengetahuannya sendiri.
>
> (2) Sesuatu afidavit yang diangkat sumpah bagi maksud digunakan dalam prosiding interlokutori boleh mengandungi pernyataan tentang maklumat atau kepercayaan berserta dengan sumber-sumber dan alasan-alasannya.

Sebaliknya peguam defendan ketiga berhujah bahawa bantahan tersebut adalah lewat kerana peguam plaintif telah guna pakai dan rujuk kepada Lampiran 13 dalam penghujahan beliau dan juga telah jawab kepada afidavit Lampiran 13 tanpa sebarang syarat atau bantahan. Oleh itu, peguam defendan ketiga berhujah bahawa bantahan peguam plaintif harus ditolak. Bagaimanapun peguam defendan ketiga berhujah bahawa sekiranya mahkamah mendapati bahawa afidavit tersebut adalah tidak sah dan tidak teratur beliau memohon kebenaran mahkamah untuk menerima pakai afidavit tersebut seperti yang dibenarkan dibawah A. 41 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Peguam defendan ketiga juga merujuk kes-kes seperti berikut:

i) *Vincent Tan See Yin lwn. Noone & Co & Anor* [1995] 2 CLJ 195

ii) *UMBC lwn. Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 2 CLJ 31

iii) *Usman Ahmad lwn. Chin Brothers Construction Co* [2000] 4 CLJ 785.

dimana mahkamah ini akan menyatakan kemudian sama ada kes itu dapat membantu hujahan peguam defendan ketiga. Aturan 41 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berkata:

> 4. Sesuatu afidavit boleh, dengan kebenaran Mahkamah, difailkan atau digunakan sebagai keterangan walaupun terdapat apa-apa luar aturan pada bentuknya.

Isu yang dibangkitkan dalam bantahan ini adalah, sama ada afidavit yang diikrar oleh defendan ketiga Lampiran 13 boleh diterima sebagai keterangan untuk prosiding interlokutori dalam saman dalam kamar *inter parte* Lampiran 3 dimana afidavit tersebut tidak menyatakan "sumber dan alasan maklumat atau kepercayaan pernyataan" yang mengandungi dalam afidavit tersebut seperti yang dikehendaki di bawah A. 41. Kaedah 5(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Setelah mendengar kedua-dua pihak diatas bantahan yang dibangkitkan oleh peguam plaintif selepas beliau menyelesaikan hujah-hujah bagi plaintif untuk permohonan *inter parte* tersebut bahawa afidavit defendan ketiga Lampiran 13 tidak boleh diguna pakai dan tidak sah kerana tidak menyatakan sumber dan alasan maklumat atau kepercayaan dan setelah meneliti A. 41 k. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan undang-undang kes-kes yang dikemukakan oleh peguam plaintif dan juga peguam defendan ketiga dan kes-kes disemak oleh mahkamah ini sendiri, keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut:

Ruling

Dibawah A. 41 k. 5(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 satu afidavit hanya boleh mengandungi fakta-fakta atau pernyataan yang adalah dalam pengetahuan peribadi deponen sendiri kecuali dibawah k. 5(2) dimana afidavit yang diikrar adalah untuk diguna pakai dalam prosiding interlokutori dimana afidavit tersebut boleh mengandungi pernyataan diatas maklumat atau kepercayaan berserta dengan sumber-sumber atau alasan-alasannya. (Rujuk kes *Abdul Halim bin Abd Hanan & Ors lwn. Pengarah Penjara Taiping & Ors* [1996] 4 MLJ 54). Sebaliknya, dan secara am, afidavit yang mengandungi penegasan yang bukan dalam pengetahuan peribadi deponen boleh dikatakan keterangan dengar cakap. Dalam keadaan apabila keterangan yang dengar cakap diterima didalam prosiding interlokutori mahkamah harus mempastikan bahawa ianya tidak membawa ketidak adilan diatas penerimaan keterangan tersebut. (Rujuk kes *Cartier International BV lwn. Lee Hock Lee & Anor – Application* [1993] 1 SLR 616)

Bagaimana pun dalam kes *Savings and Investment Bank Ltd lwn. Gasco Investments (Nevertherlands) B.V. And Others.* (Ch. D) [1984] 1 WLR 271 di ms 282 Peter Gibson H berkata:

> … the purpose of rule 5(2) is to enable a deponent to put before the court in interlocutory proceedings, frequently in circumstances of great urgency, facts which he is not able of his own knowledge to prove but which, the deponent is informed and believes, can be proved by means which the deponent identifies by specifying the sources and grounds of his information and belief. What the sub-rule allows the deponent to state that he has obtained from another must, in my judgment, be limited to what is admissible as evidence.

Seterusnya dalam kes *Deutsche Ruckversicherung lwn. Walbroook Insurance Co. Ltd And Others* (QBD) [1995] 1 WLR 1017 di ms 1025 Philips H berkata:

> Having carefully considered the decision in that case, however, I have concluded that it is not one which I am able to follow. I agree with Peter Gibson J that the purpose of rule 5(2) is to enable a deponent to put before the court, frequently in circumstances of great urgency, facts which he is not able of his own knowledge to prove. Having regard to that purpose I cannot, with great respect, follow the judge in concluding that, at the interlocutory stage, a deponent must identify as the source of his information or belief an original source of evidence which will be admissible at the trial. The object of the rule militates against placing this restriction upon the natural meaning of its words. In a situation of urgency a plaintiff may well not have time to identify or trace evidence which will be admissible at the trial. If he has learnt of facts *via* an intermediate source which there is good reason to believe will, itself, have had access to primary sources of information, I can see no good reason for precluding the plaintiff from relying upon that intermediate source

as a ground for seeking interlocutory relief. Perhaps the most important form of interlocutory relief is the injunction. It seems to me that the power of the court to grant an interlocutory injunction is one that should be flexible and not fettered by the technical rules of admissibility of evidence that apply at a trial.

The weight to be attached to a statement of belief in an affidavit that depends upon sources and grounds other than the knowledge of the deponent will, of course, depend upon the nature of those sources and grounds. An original source will normally carry much more weight than an intermediate source, and, where original sources are known, they must be identified. But it does not follow that intermediate sources cannot be referred to or relied upon. **Ultimately it must be for the court to weigh all the material in order to decide whether the applicant has made his case for the interlocutory relief sought.** (emphasis added).

Dalam kes *S.K.T. Kulanthayan Chettiar lwn. Koh Laik Phuang* [1951] 17 MLJ 149 peguam responden membangkitkan bantahan awal, diantaranya adalah bahawa afidavit yang menyokong notis usul hanya mendedahkan "to the best of my knowledge" dan bukan "within his knowledge". Oleh itu, afidavit tersebut tidak mematuhi kehendak kaedah prosedur sivil. Juga, dihujah bahawa perkara itu adalah suatu permohonan muktamat dan bukan interlokutori. Paul Otorr H berkata:

As to the first point raised by Mr. Sault, I have come to the conclusion that the words "to the best of my knowledge" when referred to the acts of another person must mean "to the best of my knowledge, information and belief" and that what is deposed to is not within the knowledge of the deponent and therefore, without such statement as is contained in para 6 of the affidavit of Ramaswami Pillai ((2) in the file), the Motion shows no cause of action and must be dismissed.

Dalam kes *Hari Singh lwn. Sundarammal* [1965] 2 MLJ 174 dims 175, peguam defendan berkata bahawa dalam afidavit plaintif beliau menyatakan bahawa fakta yang diikrar di afidavit adalah berdasarkan kepada pengetahuan beliau, maklumat dan kepercayaan tanpa menyatakan sumber maklumat tersebut. Oleh itu, peguam defendan berhujah bahawa perintah yang diberi diatas permohonan *ex parte* telah dibuat diatas keterangan yang tidak mencukupi atau tanpa keterangan langsung kerana fakta yang dinyatakan dalam afidavit plaintif adalah dibuat diatas maklumat dan kepercayaan tanpa mendedah sumber maklumat seperti dikehendaki dibawah Kaedah-Kaedah Mahkamah. Dalam kes itu, plaintif telah memperolehi satu perintah secara permohonan *ex parte* untuk perlaksanaan sebelum penghakiman diatas tanah defendan dibawah s. 19 dan 20 Ordinan Debtor 1957. Defendan telah memfailkan notis usul untuk mengenepikan perintah *ex parte* tersebut. Peguam plaintif berhujah balas bahawa plaintif telah

menyatakan fakta yang diikrar diatas "to the best of my knowledge, information and belief" dan perkataan tersebut memberi bermakna bahawa plaintif sedar sendiri faktor-faktor tersebut selain daripada faktor yang disahkan oleh maklumat dan kepercayaan. YA MacIntyre H (pada masa itu) berkata:

> In the case of *In re J.L. Young Manufacturing Co. Ltd*., on an appeal from an order refusing an applicant's claim to rank as a debenture holder based on evidence which consisted mainly of affidavits containing statements on "information and belief", Lord Alverstone CJ said:
>
> > In my opinion some of the affidavits in this case are wholly worthless and not to be relied upon. I notice that in several instances the deponents make statements on their 'information and belief,' without saying what the source of 'information and belief' is, and in many respects what they so state is not confirmed in any way. In my opinion so-called evidence on 'information and belief' ought not to be looked at all, not only unless the court can ascertain the source of the information and belief, but also unless the deponent's statement is corroborated by some one who speaks from his own knowledge. If such affidavits are made in future, it is as well that it should be understood that they are worthless and ought not to be received as evidence in any shape whatever; and soon as affidavits are drawn so as to avoid matters that are not evidence, the better it will be for the administration of justice.
>
> Supporting of this judgment Rigby LJ said:
>
> > I never pay the slightest attention myself to affidavits of that kind, whether they be used on interlocutory applications or on final ones, because the rule is perfectly general – that, when a deponent makes a statement on his information and belief, he must state the ground of that information and belief.
>
> Vaughan Williams LJ even went further and observed:
>
> > With regard to affidavits of the sort before us, it is not quite a sufficient or satisfactory remedy to throw upon the party upon whose behalf such affidavits are put forward the liability of paying the costs of those affidavits.
>
> In the instant case, however, the plaintiff went one step further and deposed to facts "to the best of my knowledge, information and belief." Mr. Vohrah for the plaintiff submitted that the words, "to the best of my knowledge" would indicate that the plaintiff was personally aware of the facts apart from the facts being confirmed by information and belief.

It would appear that the proper interpretation to be placed on the words, "to the best of my knowledge, information and belief' is that the knowledge was based on information and belief. In the case of *Quartz Hill Consolidated Gold Mining Company v. Beall Jessel M.R.* in allowing an appeal from an order on an interlocutory injunction in a libel action said:

> Now, in this instance, the only witness for the plaintiffs is their secretary, who says not that the circular is untrue, but that the statements in the circular are to the best of his knowledge, information, and belief are untrue. He does not shew that he has any knowledge at all on the subject of these statements. He probably as secretary has some knowledge about them, but he does not shew it; and where an affidavit is made upon information and belief the rules of the court require that the deponent should state what are the grounds of his information and belief, and that he does not do, he only says that they are untrue to the best of his knowledge, information and belief, not saying what the best of his knowledge is, and it may be nothing at all. There is, therefore, no evidence as to the untruth of the allegations in the circular.

In the case of *Madan Theatres Ltd. v. Hari Das*, in setting aside an order of attachment before judgment, the appeal court held that

> the affirmation attached to the affidavit is wholly insufficient. It does not give any details as to what portion of the affidavit was based upon the personal knowledge of the deponent and what allegations were founded upon information and whether he believed it to be true.

It would therefore appear when knowledge and information and belief are alleged at the same time, it is necessary for the deponent to state how much of the allegation is based on personal knowledge and how much on information and belief.

Mahkamah ini berpendapat bahawa afidavit yang yang mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan yang diikrar oleh seorang deponen untuk digunakan dalam prosiding interlokutori harus menyatakan bukan sahaja kepercayaan berserta dengan sumber-sumber dan alasan-alasannya untuk pernyataan maklumat tersebut tetapi juga kenyataan oleh deponen harus disokong oleh seorang lain yang dapat menyatakan dalam pengetahuan sendiri atau disokong oleh dokumen yang relevan. (Rujuk kes *Lori (M) Bhd (Interim Receiver) lwn. Arab Malaysian Finance Bhd* [1999] 3 MLJ 81 di ms 96 dimana YA Edgar Joseph Jr. HMP berkata:

> The second point to note regarding this part of the case is that, it is an elementary proposition sometimes overlooked with resulting confusion and possible injustice that where statements are made by a deponent, based on information and belief, these ought not to be looked at all, unless the court can ascertain not only the source of the information and belief but also unless the deponent's statement is corroborated by someone who speaks from his own knowledge. (Rujuk kes *Contrans Services (1965) Ltd. v. Clifford* [1974] 1 MLJ 141 di ms 142 dimana kes *J.L. Young Manufacturing Ltd. Co.* dipakai oleh Mahkamah Persekutuan).

Mahkamah ini ingin menyatakan di sini bahawa pihak-pihak harus ambil perhatian bahawa bantahan yang dibangkit oleh peguam plaintif dalam kes ini bukanlah satu bantahan awal dan juga bukan satu aduan tentang format atau cara format yang digunakan dimana boleh dikatakan adalah bertentangan dengan prosidur tetapi bantahan tersebut dalam kes ini adalah tentang asas keterangan atau pernyataan yang dikandung dalam afidavit dimana ianya tidak memberitahu sumber-sumber dan alasan-alasan pernyataan maklumat atau kepercayaan deponen. Perkara ini adalah penting supaya mahkamah dapat tentukan sama ada pernyataan atau keterangan dalam afidavit adalah 'hearsay' (dengar cakap) dan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak. Dalam kes *S.K.T. Kulanthayan Chettiar lwn. Koh Laik Phuang* Paul Storr H berkata:

> ... the Court is given a wide discretion in the matter of receiving affidavits which do not confirm strictly with the Rules, but in view of the defects in the afidavit under consideration I am not prepared to exercise my discretion and allow it to be used in evidence even if, which I doubt, ... overrides the mandatory provisions ...

Bagaimana pun, ketiga-tiga kes yang dirujuk oleh peguam defendan ketiga iaitu kes:

i) *Vincent Tan See Yin lwn. Noone & Co & Anor* [1995] 2 CLJ 195

ii) *UMBC lwn. Ernest Cheong Yong Yin* [2001] 2 CLJ 31

iii) *Usman Ahmad lwn. Chin Construction Co* [2000] 4 CLJ 781

tidak dapat membantu keadaan dan kedudukan afidavit defendan ketiga untuk menyokong hujahan peguamnya kerana kes-kes tersebut adalah berkaitan dengan tidak mematuhi prosidur yang boleh dikatakan salah aturan (irregularity) dan bukan ada kaitan tentang penerimaan keterangan seperti yang dibangkitkan dalam kes ini. Kes-kes tersebut yang dirujuk oleh peguam defendan ketiga harus dibezakan dengan kes *Bank Bumiputra Malaysia Berhad & Other lwn. Loraine Esme Osman* [1986] 1 MLJ 426 di ms 428 yang dirujuk oleh peguam plaintif dimana adalah relevan bagi isu yang dibangkitkan oleh peguam plaintif. Dalam kes *Bank Bumiputra Malaysia Berhad*, bantahan oleh peguam plaintif adalah

afidavit yang diikrarkan oleh setiausaha sulit bagi defendan yang tidak menyatakan atau mengecamkan sumber-sumber atau alasan-alasan maklumat deponen seperti dikehendaki dibawah A. 41 k. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Dalam perenggan 4 afidavit tersebut Cik June Chan Suet Lai setiausaha sulit kepada defendan berikrar satu afidavit pada 13 Mac 1985 dimana beliau berkata "The defendant left Malaysia and went abroad on 8 November 1984 and has not yet returned to Malaysia".

Peguam plaintif dalam kes itu berhujah bahawa dalam perenggan 4 afidavit tersebut deponen tidak memberitahu bagaimana beliau tahu defendan telah tinggalkan Malaysia pada 8 November 1984 dan defendan juga gagal untuk menentukan atau mengecamkan sumber maklumat yang beliau dapat. Oleh itu, peguam plaintif berhujah bahawa perenggan 4 afidavit tersebut tidak mematuhi kehendak-kehendak seperti A. 41 k. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. YA Zakaria Yatim H (pada masa itu) memutuskan bahawa mahkamah tidak boleh memakai pernyataan maklumat yang dikandung dalam perenggan 4 afidavit tersebut yang diikrar oleh setiausaha sulit defendan. (Rujuk kes-kes (1) *Kasim bin Sulong & Anor lwn. Guthrie Estate Holdings Ltd. & Anor* [1994] 3 CLJ 186, (2) *Lim Yew Sing lwn. Hummel International Sports & Leisure A/S* [1996] 4 CLJ 784, dan (3) *Nationwide Building Society lwn. Bateman* [1978] 1 All ER 999 di. ms 1003).

Dalam keadaan itu, sekiranya ada bantahan tentang guna pakai afidavit yang tidak mengandungi sumber-sumber dan alasan-alasan pernyataan maklumat atau kepercayaan oleh deponen, mahkamah ini tidak seharusnya ambil kira kandungan dalam afidavit tersebut. (Rujuk kes Re: (1) *Anthony Birrell Pearce Doig and Co. lwn. Anthony Birrell Pearce & Co.* [1899] 2 Ch. 50 di ms 52-53, (2) *Kenidi bin Sima & Anor lwn. The Government of the State of Sabah & Anor* [1988] 1 MLJ 454 di ms 459 dan (3) *J.L. Yoong Manufacturing Co.* [1900] 2 Ch. 753). Bagaimana pun dan sebaliknya mahkamah ini berpendapat bahawa jenis bantahan yang dibangkitkan oleh peguam plaintif tentang afidavit defendan ketiga Lampiran 13 dalam kes ini boleh dikatakan salah aturan (irregularity). (Rujuk kes *Re: J.L. Yoong Manufacturing Co.* [1900] 2 Ch. 753) dan bukan membatalkan afidavit tersebut. Bagaimana pun bantahan tersebut ada berkaitan dengan penerimaan keterangan yang bukan dari pengetahuan defendan ketiga sendiri tetapi dari maklumat yang tidak menyatakan sumber-sumber dan alasan-alasannya. Pihak-pihak atau peguam harus mengambil berat apabila menyediakan afidavit dan pastikan bahawa pernyataan maklumat yang mengandungi adalah berdasarkan dari pengetahuan deponen sendiri kecuali afidavit itu adalah untuk guna pakai dalam prosiding interlokutori dimana pernyataan tentang maklumat atau kepercayaan harus menyatakan sumber-sumber dan alasan-alasannya.

Mahkamah ini berpendapat bahawa pihak-pihak yang tidak atau tidak mahu mematuhi kaedah-kaedah mahkamah dan undang-undang yang berkaitan dengan keterangan tidak boleh mengharap mahkamah untuk melayani atau menurut kemahuan kecuali mungkir kaedah-kaedah mahkamah adalah tidak sengaja ("Parties who blatantly breach the rules of the court and disregard the rules of evidence cannot expect the court to grant indulgence in the court of justice unless the breach was unwittingly not observed").

Bagaimanapun tidak dinafikan bahawa peguam plaintif tidak bangkitkan bantahan tersebut sebagai bantahan permulaan diawal-awal sebelum permulaan pendengaran Lampiran 3 *inter parte* ataupun sebelum hujah-hujah dimulakan bagi plaintif tetapi bantahan tersebut hanya dibangkitkan selepas peguam plaintif telah selesai hujah-hujah bagi plaintif dan setelah merujuk kepada afidavit Lampiran 13 dalam hujahan dan dimana afidavit tersebut Lampiran 13 telahpun dijawap oleh plaintif melalui dua afidavit-afidavit plaintif yang diikrar pada 31 Mei 2003 dan difailkan di mahkamah pada 31 Mei 2003 dan satu lagi afidavit yang diikrar pada 2 Jun 2003 dan difailkan pada 2 Jun 2003 iaitu Lampiran 18 dan Lampiran 19 tanpa sebarang syarat dan notis terlebih dahulu kepada peguam defendan kedua dan ketiga tentang bantahan tersebut. Rujuk kes *Gurbachan Singh lwn. Seagrott & Campbell* [1962] MLJ 370.

Dalam keadaan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa keadaan kes dan fakta-fakta dalam kes ini harus dibezakan dengan keadaan dan kakta-fakta kes yang dirujuk oleh peguam plaintif dan kes-kes yang lain dimana mahkamah tidak menerima afidavit atau sebahagian pernyataan afidavit. Mahkamah ini juga setuju dengan penghujahan peguam defendan ketiga bahawa tindakan plaintif boleh dikatakan satu penepian atau waiver dimana peguam plaintif harus membangkitkan bantahan tersebut terlebih dahulu atau sebagai bantahan permulaan dimana plaintif sendiri bukan sahaja telah ambil bahagian menggunakan afidavit Lampiran 13 dan dirujuk dalam penghujahan prosiding ini tapi telah menjawab kepada afidavit Lampiran 13 melalui afidavit Lampiran 18 dan Lampiran 19 tanpa sebarang syarat atau bantahan. Oleh itu, peguam plaintif dengan segala hormatnya tidak dibenarkan untuk berundur daripada tindakan peguam plaintif yang sendiri mengguna pakai dan merujuk kepada afidavit Lamp. 13 tersebut. Dalam kes *Kein lwn. Stein* [1892] 66 LT 469, Cave J berkata:

> In order to establish a waiver, you must show that the party has taken some step which is only necessary or only useful if the objection has been actually waived or has never been entertained.

Rujuk kes:

(1) *Gilbert lwn. Endean* [1878] 9 Ch. 259

(2) *Lumley lwn. Osborne* [1901] 1 QB 532.

(3) *Rossage lwn. Rossage & Ors* [1960] 1 All ER 600

(4) *Re Orr – Ewing* [1883] 22 Ch. D 456

dimana ketiga-tiga kes tersebut diikuti dalam kes-kes *Mui Bank Bhd lwn. Alkner Investments Pte. Ltd.* [1990] 3 MLJ 385 dan *Wan Othman bin Dato' Wan Yusof lwn. Kewangan Utama (M) Berhad* [1993] 2 CLJ 572. Juga rujuk kes-kes berikut:

(1) *Jasabena Sdn Bhd. lwn. Beh Heng Foo & Anor* [1985] 1 MLJ 394 di ms 396.

(2) *Public Bank Berhad lwn. Berjaya Development Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 CLJ 237

(3) *Subramaniam a/l Vythilingam lwn. The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) dan 5 Ors* [2003] 6 CLJ 175.

(4) *Vincent Tan See Yin lwn. Noone & Co. & Anor* [1995] 2 CLJ 195.

Isu Penepian

Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa setiap perkara penepian (waiver) harus tertakluk kepada apakah jenis bantahan tersebut dan bukan secara am dan sekiranya bantahan itu adalah tentang bidangkuasa mahkamah, adalah tentu bahawa penepian (waiver) tidak dapat dipakai sekiranya mahkamah tidak ada bidang kuasa langsung sama ada untuk mendengar atau memberi sebarang perintah. Dalam keadaan itu dimana dan sekiranya mahkamah tidak ada bidang kuasa, penepian (waiver) memang tidak dapat dipakai tetapi keadaan kes di hadapan mahkamah ini bukan keadaan seperti itu dan harus dibezakan seperti dinyatakan terlebih dahulu dalam ruling ini, dimana plaintif telah diwakili oleh seorang peguam, afidavit tersebut Lampiran 13 telah dijawap oleh plaintif dan afidavit tersebut telah diguna pakai oleh plaintif sendiri. Rujuk kes *Muniandy a/l Thamba Kaundan lwn. D & C Bank Bhd* [1996] 2 CLJ 586 dimana kes *Darnley (Earl of) lwn. Proprietors of London, Chatham and Dover Rly* [1867] LR 2 HL 43 dirujuk.

Bagaimanapun, mahkamah ini mendapati di atas keseluruhan perkara kes ini peguam plaintif sendiri telah merujuk kepada afidavit tersebut Lampiran 13 didalam penghujahannya dan plaintif telah menjawab kepada afidavit tersebut melalui afidavit Lampiran 18 dan Lampiran 19 dalam prosiding ini tanpa

memberi sebarang bantahan dan notis yang lebih awal kepada peguam defendan ketiga sehingga bantahan itu dibangkit diakhir penghujahan peguam plaintif. Dalam keadaan itu, plaintif tidak boleh approbat dan reprobat.

Mahkamah ini juga berpendapat bahawa dalam keadaan itu adalah tidak adil untuk afidavit Lampiran 13 tidak diterima pakai diperingkat ini kerana ini hanya akan membawa tidak keadilan kepada defendan ketiga. (Rujuk kes *Development & Commercial Bank Bhd lwn. Aspatra Corp. Sdn Bhd and Anor & Another Appeal* [1996] 1 CLJ 141). Dalam kes *Hongkong Bank Malaysia lwn. Nor Harizan bt Mohd Ali* [1999] 6 CLJ 466, peguam defendan membangkitkan bantahan dalam prosiding saman pemula bahawa afidavit pengurus bagi plaintif yang menyokong saman pemula telah ikrar afidavit tersebut pada 17 September 1996 sebelum saman difailkan pada 25 September 1996. YA Azhar bin Ma'ah H berkata:

> … to disallow the supporting afidavit to be used in support of the plaintiff chargee's application … would militate against the basic principle of justice. For the above reasons counsel's objection to the affidavit in question is overruled.

Mahkamah ini juga berpendapat bahawa tanpa menimbang sebarang mungkir kaedah-kaedah teknikal (without regard to the technicalities of the rules of evidence or procedure of the defect) dan sekiranya tidak timbul sebarang tidak keadilan atau prasangka kepada plaintif, mahkamah ini boleh menimbang permohonan peguam defendan ketiga untuk menerima pakai afidavit Lampiran 13 dalam prosiding interlokutori ini. Rujuk kes *Wee Choo Keong lwn. MBf Holdings Bhd* [1995] 4 CLJ 427. Juga rujuk kes *Gilbery lwn. Endean* [1878] 9 Ch. D 259 dan *Rossage lwn. Rossage & Anor* [1960] 1 All ER 600 untuk bezaan di antara interlokotori secara format dan permohonan yang menentukan hak pihak-pihak. (Rujuk kes *Conmal Sdn Bhd & Anor lwn. Romar Realty (M) Sdn Bhd & 4 Ors.* [1987] 2 CLJ 434; [1987] CLJ (Rep) 558.) Dalam kes *Bousted Trading (1985) Sdn Bhd lwn. Arab Malaysian Merchand Bank Bhd* [1995] 4 CLJ 283 Gopal Sri Ram JCA berkata:

> That the justice of the case should be the overriding consideration is axiomatic. After all, courts exist to do justice according to the law as applied to the substantial merits of a particular case. And rules of court and of practice are created to facilitate the attainment of justice, not its obstruction.

Rujuk kes-kes:

(1) *Mohamed bin Ismail lwn. Tan Sri Haji Osman Saat & Ors* [1982] MLJ 133 di ms 134

(2) *Tan Chwee Geok & Anor lwn. Khaw Yen-Yen & Anor* [1975] 2 MLJ 188

(3) *Arab Malaysian Credit Bhd lwn. Tan Seang Meng* [1995] 1 CLJ 773

(4) *Sim Seah Beng @ Sim Sai Beng & Anor lwn. Koperasi Tunas Muda Sungei Ara Bhd* [1995] 1 CLJ 491.

Dalam keadaan dan fakta-fakta kes ini, mahkamah ini mendapati bahawa afidavit Lampiran 13 tidak boleh dilihat secara asing (in isolation) tetapi dikeseluruhan keterangan melalui afidavit-afidavit bagi defendan-defendan dan plaintif sama ada kenyataan boleh dikatakan satu hearsay sekiranya ia tidak merujuk sumber-sumber dan alasan-alasan tentang pernyataan maklumat atau kepercayaan. Juga mahkamah mendapati bahawa afidavit Lampiran 13 yang dipakai oleh defendan ketiga bukanlah untuk satu prosiding atau perintah muktamat tetapi adalah dalam satu prosiding interlokutori dan untuk satu perintah interim yang dipohon oleh plaintif sehingga perbicaraan guaman sivil yang difailkan oleh plaintif diselesaikan. (Rujuk kes *Rossage lwn. Rossage and Ors* [1960] 1 All ER 600). Seterusnya, mahkamah ini juga berpendapat bahawa tidak ada sebarang prasangka kepada plaintif sekiranya afidavit Lampiran 13 diguna pakai dimana plaintif sendiri telah merujuk, menjawab dan berhujah di atas afidavit Lampiran 13 sehingga selesai hujah-hujah. Walaupun afidavit defendan ketiga Lampiran 13 tidak menyatakan sama ada kandungan afidavit diikrar diatas pengetahuan sendiri atau diatas pernyataan maklumat dan kepercayaan tetapi apabila mahkamah meneliti keseluruhan kandungan kebanyakan boleh dikatakan diatas pengetahuan sendiri defendan ketiga sebagai seorang pengarah dan pemilik syer bagi syarikat berkenaan. Rujuk kes: (1) *Lim Yew Sing lwn. Hummel International Sports and Leisure* [1996] 4 CLJ 784, (2) *Zamrud Properties Sdn Bhd lwn. Pang Moi Gaid* [1999] 5 MLJ 180 di ms 191.

Dalam kes *Les Fils Dreyfus Et Cie Societe Anonyme lwn. Clarke* [1958] 1 All ER 459 peguam defendan membangkitkan banyak alasan-alasan diperingkat rayuan kenapa penghakiman terus tidak sepatutnya diberi kepada plaintif. Diantara alasan-alasannya, alasan yang ada berkaitan dan boleh ditimbang untuk kes ini adalah afidavit plaintif adalah cacat (defective) kerana:

(i) afidavit plaintif dalam kes itu tidak menentukan hutang asal atau menentukan masih dihutang pada masa assignment diberi kepada plaintif.

(ii) tidak menentukan assignment tersebut, sama ada deponen ada pengetahuan sendiri atau pun untuk lampirkan assignment tersebut sebagai satu exhibit. Peguam defendan juga berhujah bahawa afidavit itu tidak boleh dibaiki.

(iii) Seterusnya peguam defendan berhujah bahawa sekiranya beliau tersilap diatas bantahan itu, sebaliknya afidavit tambahan atau lanjutan yang difailkan tidak dapat membaiki kecacatan itu.

Parker CJ berkata dalam kes itu di ms 463-464:

> To say now that an affidavit filed by the plaintiff in proceedings under R.S.C. Ord. 14, cannot be, as it were, supplemented by a further affidavit by the plaintiff, with the leave of the court, is something which startles one, and, as far as I know, no case has ever heretofore suggested that with the leave of the court the plaintiff's affidavit cannot be supplemented. (emphasis added).

> I have no reason to doubt – neither did the learned judge – that there always has been and is jurisdiction in the court to allow the affidavit to be supplemented, and that in deciding jurisdiction one looks at the matter at the end of the day on the affidavits which have been filed.

Dalam kes *Sandilands Buttery & Co. Ltd. lwn. Marcus Knorpel* 3 M.C. 244 dims 248 Rigby J berkata:

> Although the learned Registrar did not expressly say so, I think I must assume that since the supplementary affidavit was before him, and included in his record, it was before him with his leave. It follows, therefore, that even assuming the original affidavit was defective and, in my view, it was not – that defect was expressly cured by the supplementary affidavit.

Dalam kes *Majlis Amanah Rakyat (MARA) lwn. Tam Seek Hong and 54 Ors* [1994] 3 CLJ 64 Abdul Malik bin Hj Ishak, JC (pada masa itu) berkata:

> I fully subscribe to this view and I may add that the failure to reveal the sources of information and grounds of belief in an affidavit would be a failure to comply with the RHC unless, of course, the court treat such failure as an irregularity and curable under Order 41, rule 4 of the RHC.

Dalam kes *Siong Eng Co. lwn. Malayan Insurance Co; Inc.* [1964] 30 MLJ 65. Thomson LP berkata:

> In my view these were perfectly proper persons to swear the affidavits and I base that view on what was said by Lord Buckley in the case of *Pathe Freres Cinema Limited lwn. United Electric Theatres Limited*. His Lordship said:
>
> > In the present case the plaintiffs are a company. They cannot swear; somebody must there for do it for them. The affidavit is made by a clerk in their employ. He describes himself as a clerk of the plaintiff and in their employ and says that the facts are within his own knowledge; that, in my opinion, brings this affidavit reasonably within the rule.

In the present case I think the affidavits are, in the opinion of their Lordships, within the rule.

Dalam kes *Sabah Bank Bhd lwn. Pemborong Keningau Sdn Bhd & 8 Ors* [1991] 3 CLJ 2590; [1991] 3 CLJ (Rep) 677 YA Syed Ahmad Idid JC (pada masa itu) berkata:

Affidavits are personal to those who depose them and if statements therein are incorrect, the deponents must be held liable (and, in appropriate cases, punishable under the penal Code). So it is not the business of anyone else unless he is so authorised, to depose to facts and much less for counsel to include contentious materials in their affidavits.

Dalam kes *Sarjudin Bahri lwn. Punca Klasik Sdn Bhd & Anor* [1997] 2 CLJ Supp 481 di ms 487 YA Abdul Malik Ishak J berkata:

Order 41 r. 5(2) of the RHC states that an affidavit sworn for the purpose of being used in interlocutory proceedings may contain statements of information or belief with the sources and grounds thereof. The effect of this rule is this. An affidavit must be an affidavit of information and belief founded on statements made to the deponent by an informant who declined to repeat them on affidavit unless subpoenaed. (*Re: Anthony, Birrel & Co.* [1899] 2 Ch. 50) Nevertheless in practice the grounds of the witness's information and belief are frequently not stated, but a party against whom such an affidavit is made is entitled to take the objection, and if the objection is one of substance, the Court is bound to pay and take regard and cognisance of it (*Bidder v. Bridges* 26 Ch. D 1; and *Quartz Hill, etc Mining Co. v. Beall* 20 Ch. D p. 508).

Errors or mistakes in affidavits may be rectified by the filing of supplemental affidavits just like encl. 38. It is important to note that the order to file supplementary affidavit may be made at any stage of the proceedings either on the Court's own motion or on the application of any party. But the Court rarely interferes by exercising its power to compel a party to make an amendment as this runs counter to its generally non-interventional role in civil proceedings (*Crooper v. Smith* [1883] 26 Ch. D. 700 at p. 715, and *Fallon v. Calvert* [1960] 1 All ER 281 especially at p. 282). At the end of the day, it is the discretion of the Court whether to accept enclosure 38 bearing in mind that an affidavit is a statement made on oath to be used in an interlocutory proceeding. In the interest of justice and for the reasons adumbrated above, I accepted and admitted enclosure 38. (emphasis added).

Sebaliknya dalam kes *Kuah Kok Kim lwn. Chong Lee Leong Seng Co. (Pte) Ltd* [1991] 2 CLJ 1634; [1991] 4 CLJ (Rep) 535 Lean H bagi Mahkamah Rayuan berkata:

> Notwithstanding the very wide powers given to court to remedy non-compliance with the Rules of Supreme Court 1970, there may be failure of non compliance with the Rules which is so fundamental or serious that the court ought not to exercise its discretion under r. 1 to remedy it: (See *Bernstein & Anor v. Jackson & Ors*)

Diatas alasan-alasan yang telah dinyatakan terlebih dahulu, mahkamah ini menggunakan budi bicara untuk kekalkan afidavit Lampiran 13 untuk diguna pakai oleh defendan kedua dan ketiga dalam prosiding interlokutori Lampiran 3. Dalam kes *Crooper lwn. Smith* [1884] 26 Ch. D 700. Bower LJ berkata:

> I know of no kind of error or mistake which if not fraudulent or intended to overreach, the court ought not to correct, if it can be done without injustice to the other party.

(Rujuk kes-kes (1) *Sunkyong International Inc. lwn. Malaysian Rubber Development Corp. Bhd* [1992] 3 CLJ 1531; [1992] 1 CLJ (Rep) 310, (2) *In re: Anthony Birrell Pearce & Co. Doig lwn Anthony Birrell Pearce & Co.* [1899] 2 Ch. 50 di ms 52 dan (3) *Government of State of Pahang lwn. Tengku Abdul Aziz & Anor* [1978] 2 MLJ 34. Selain daripada itu, mahkamah ini juga mengambil kira afidavit defendan ketiga yang ikrar pada 31 Mei 2003, Lampiran 27 dimana defendan ketiga telah merujuk kepada afidavit yang diikrar pada 26 Mei 2003 oleh beliau, iaitu Lampiran 13 supaya kandungannya diterima pakai dan telah menyatakan bahawa fakta-fakta yang dideposkan di sini adalah dalam pengetahuan, maklumat dan kepercayaan.

Bagaimana pun diatas permohonan peguam defendan ketiga dan dibawah A. 41 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 mahkamah mempunyai budi bicara untuk memberi kebenaran kepada defendan ketiga untuk menerima satu lagi afidavit sebagai afidavit tambahan iaitu afidavit Lampiran 36 yang difailkan pada 20 Jun 2003 untuk membaiki afidavit Lampiran 13. Afidavit Lampiran 36 tersebut seharusnya dibaca bersama afidavit Lampiran 13 untuk tujuan menerima pakai afidavit Lampiran 13 yang telah difailkan di mahkamah. Oleh itu, mahkamah ini menerima afidavit Lampiran 36 dan memberi kebenaran kepada defendan ketiga untuk mengguna pakai afidavit Lampiran 36 dan dibaca bersama dengan Lampiran 13 bagi prosiding interlokutori Lampiran 3.

Mahkamah ini dengan segala hormatnya berharap bahawa peguam-peguam yang datang ke mahkamah harus mengamalkan disiplin tentang kaedah-kaedah mahkamah. Sebarang keputusan yang dibuat oleh mahkamah adalah berdasarkan kepada kehendak-kehendak di segi undang-undang dan kaedah-kaedah mahkamah dan bukan diberi atau bertindak secara sewenang-wenangnya dan sesuka hati atau tanpa mengikut prinsip-prinsip yang dikekalkan. Sekiranya, peguam menyangka disiplin kehakiman atau judicial discipline diamalkan dan kaedah-

kaedah mahkamah dipatuhi, peguam-peguam juga sebagai seorang pegawai mahkamah harus mengamalkan berdisiplin dan jangan bertindak sewenang-wenangnya, kelewatan-kelewatannya tanpa mematuhi kaedah-kaedah mahkamah atau pun tanpa mendapat kebenaran mahkamah terlebih dahulu sekiranya ianya perlu untuk memfailkan sebarang dokumen atau afidavit selepas tempoh yang dibenarkan telah ditamat.

Dalam kes ini, tidak dinafikan bahawa bantahan tentang afidavit Lampiran 13 dibangkitkan di akhir peringkat hujahan peguam plaintif dimana keterangan-keterangan telah sedia melalui afidavit-afidavit dan mahkamah telah tangguh keputusan atau ruling diatas bantahan tersebut selepas mendengar hujah-hujah oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, peguam defendan ketiga dengan segala hormatnya seharusnya memaklumkan atau memohon kepada mahkamah terlebih dahulu untuk mendapat kebenaran untuk memfailkan sebarang afidavit pembetulan atau tambahan dan bukan sesuka hati memfailkan afidavit pembetulan selepas tempoh telah tamat. (Rujuk kes (1) *Abdul Halim bin Abd. Hanan & Ors lwn. Pengarah Penjara Taiping & Ors* [1996] 4 MLJ 54). (2) *Underdown lwn. Stannard* [1871] WN 171 dan (3) *Bidder lwn. Bridges* [1884] 26 Ch. D1. Tindakan itu seperti yang dilakukan oleh peguam defendan ketiga dalam kes ini boleh dikatakan dengan segala hormatnya satu tindakan yang langsung tidak menghormati mahkamah. Sekiranya mahkamah melayan sebarang tindakan seperti yang dilakukan dalam kes ini tentulah ianya akan jadi sesuatu yang tidak teratur, dan terdapat huru hara atau chaos di mahkamah. Rujuk kes *Zamrud Properties Sdn Bhd lwn. Pang Moi Gaid* [1999] 5 MLJ 180 di ms 191 dimana YA Faiza Thamby Chik H berkata:

> The lax and cavalier attitude that has been adopted by the applicant in this matter if condone will make a mockery out of the rules of the court.

Tugas Peguam

Dalam sebahagian kes, mahkamah sedar bahawa seorang peguam sukar untuk menjalankan satu 'balancing exercise' antara tugas beliau kepada mahkamah dan kepada anak guam, tetapi bagaimanapun tugas kepada mahkamah tidak boleh subordinat kepada atau memberi kurang penting apabila berbanding dengan tugas kepada anak guam. Rujuk kes-kes: (1) *Tombling lwn. Universal Bulb Co. Ltd* [1951] 2 TLR 289 (2) *Meek lwn. Fleming* [1961] 3 All ER 148 at p. 154 (3) *Cheah Cheng Hoc lwn. Public Prosecutor* [1986] 1 CLJ 169; [1986] CLJ (Rep) 84 FC.

Mahkamah berharap bahawa perkara seperti yang dilakukan dalam kes ini tidak akan diulangi oleh mana-mana peguam kerana peguam berhak untuk memohon kepada mahkamah apa sahaja perintah yang boleh ditimbang diatas budi bicara mahkamah dan mengikut kaedah-kaedah mahkamah dan mahkamah ini akan

menimbang sebarang permohonan selepas mendengar hujah-hujah oleh kedua-dua pihak atau pihak-pihak yang berkenaan dan sama ada perintah itu perlu untuk kepentingan keadilan. Seterusnya peguam-peguam tidak perlu bimbang ataupun membantutkan (pre-empt) sebarang keputusan yang akan dibuat oleh mahkamah selepas mahkamah menangguh kes untuk memberi keputusan dan dalam keadaan ini, Kaedah-kaedah Mahkamah harus dipatuhi. (Rujuk kes *Ratnam lwn. Kumarasamy* [1965] 1 MLJ 228 di ms 229.)

Dalam kes *Yu Oi Yong & Anor lwn. Ho Toong Peng & Ors* [1977] 1 MLJ 120 di ms 121, YA Chang Min Tat H (pada masa itu) berkata:

> There should, in my view, be some adherence to the rules of court, unless required by circumstances, if there is to be any meaning or purpose in such rules.
>
> It should, I think, be realised by practitioners as well as by judges that while strict and slavish adherence to forms and rules can sometimes hinder the administration of justice, these forms and rules should not be disregarded for no reason whatsoever, since they embody the experience of the courts over the years in the cause of speedy and efficient administration of justice.

Seterusnya, sekiranya ada sebarang kecacatan atau tertinggal diatas kelalaian atau tidak sengaja atau sebaliknya (omission due to inadvertence or otherwise) diatas dokumen-dokumen yang difailkan di mahkamah oleh pejabat peguam, peguam tidak boleh salahkan sesiapa tetapi beliau sendiri. Peguam tidak dibenarkan memfailkan sebarang afidavit pembetulan yang mengemukakan keterangan dalam peringkat separuh pendengaran dan hujah-hujah dan selepas bantahan telah dibangkit oleh satu pihak tentang afidavit yang cacat tanpa kebenaran mahkamah terlebih dahulu. (Rujuk kes *Underdown lwn. Stannard* [1871] WN 171.) Dalam kes *Underdown* ini satu tindakan telah difailkan dan salah seorang defendan memfailkan satu afidavit verifying jawapan beliau. Nama plaintif dalam afidavit tersebut telah tersilap dinyatakan 'Underwood' dan bukan 'Underdown'. Permohonan dibuat untuk mendapat kebenaran mahkamah supaya afidavit yang tersilap boleh diambil keluar daripada fail mahkamah, ikrar semula satu afidavit dan difailkan semula tanpa perlu meletakkan setem baru. Mahkamah telah memberi kebenaran dan kes *Pearson lwn. Wilcon* 10 Hare App XXXV telah dirujuk. Juga, A. 41 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memberi budi bicara kepada mahkamah untuk menerima sebarang afidavit yang tidak teratur.

Sama Ada Kuasa Sedia Ada Di Bawah A. 92 k. 4 KMT 1980 Boleh Dipakai

Mahkamah juga ingin menyatakan di sini bahawa A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 seperti yang dihujah oleh peguam defendan ketiga untuk dipakai tidak dapat diguna pakai supaya afidavit pembetulan Lampiran 36 dapat diterima pakai kerana terdapat kaedah-kaedah yang lain dan tertentu dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mendapat kebenaran mahkamah untuk menerima sebarang afidavit-afidavit yang tidak teratur. (Rujuk A. 41 k. 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980). Juga, rujuk kes-kes seperti berikut tentang dikeadaan bilakah A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 boleh dipakai.

(1) *Permodalan MBf Sdn Bhd lwn. Tan Sri Dato' Seri Hamzah bin Abu Samah & Ors* [1988] 1 CLJ 31; [1988] 1 CLJ (Rep) 244.

(2) *Kumagai Co. Ltd. lwn. Zenecon Kumagai Sdn Bhd & Ors (And Another Applications)* [1994] 2 MLJ 789

(3) *Yomeishu Seizo Co. Ltd & Ors. lwn. Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd* [1996] 2 BLJ 142

(4) *R. Rama Chandran lwn. The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147

(5) *Ho Yok Kwei & Anor lwn. Ong Eng Hin* [1998] 1 CLJ 647

(6) *Low Eng Leong & 2 Ors lwn. Low Mu Sen & Sons Sdn. Bhd & 2 Ors* [2003] 1 AMR ms 206 di ms 253 (keputusan saya sendiri).

Diatas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, dan selepas mendengar hujah-hujah oleh kedua-dua pihak dan setelah meneliti kes-kes yang dirujuk dalam keputusan ini, mahkamah membenarkan permohonan secara lisan oleh peguam defendan ketiga untuk guna pakai afidavit Lampiran 13 dalam prosiding Lampiran 3. Permohonan secara lisan oleh peguam defendan ketiga untuk terima afidavit pembetulan Lampiran 36 yang telah difailkan oleh peguam defendan ketiga pada 20 Jun 2003 tanpa kebenaran mahkamah terlebih dahulu, atau pun mendapat persetujuan daripada peguam plaintif dibenarkan diatas keseluruhan fakta-fakta dan keadaan kes ini dan afidavit tersebut yang ditanda Lampiran 36 diperintahkan dikekalkan dan dibaca bersama dengan afidavit Lampiran 13.

Diakhirnya, sama ada kos dibayar oleh defendan ketiga, ini adalah budi bicara mahkamah. Dalam kes *Abdul Salam lwn. Lee Ah Song & Anor* [1951] MLJ 149 Taylor J berkata:

> On the question of costs, there is no hard and fast. The principle is that where a party seeks an indulgence he must ordinarily be prepared to pay the costs in any event, but where the mistake originated in the Court it may be regarded as a peril of the litigation and the costs may be in the cause.

Bagaimana pun dalam kes ini, mahkamah memerintahkan kos adalah kos dalam kausa.